



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper

Berita Harian

Date

21/06/2012

DR M gesa banteras campur tangan Barat

PUTRAJAYA: Campur tangan kuasa Barat dalam hal ehwal politik negara dengan motif menukar pucuk pimpinan kerajaan kepada pihak yang boleh mengikut telunjuk mereka perlu dibanteras.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata golongan berkenaan memperlakukan pembangkang bagi membolehkan mereka menyusup masuk dalam politik negara bagi menyebarkan pelbagai agenda peribadi menggunakan isu hak dan kebebasan.

Di Mesir contohnya, kata Dr Mahathir, terdapat badan bukan kerajaan (NGO) dari Amerika Syarikat yang masuk ke negara berkenaan selepas Revolusi Arab untuk memastikan kerajaan baru Mesir sentiasa 'mesra' kuasa besar itu.

"Inisangat bahaya kerana mereka (pihak luar) mempunyai agenda yang sememangnya berlainan dengan agenda nasional kita. Mereka mahu menjatuhkan kerajaan dan menukar rejim dengan mempengaruhi pemikiran rakyat kita.

"Mereka mencipta tanggapan yang kerajaan kita tidak adil kepada rakyat dan tidak memberi kebebasan sepenuhnya. Mereka mahu kembali kepada zaman lampau (zaman penjajahan).

"Mereka kurang senang kerana banyak negara sudah merdeka selepas perang dunia kedua," katanya dalam ucapan bertajuk Akta Perhimpunan Aman 2011: Masa Depan dan Cabaran' sempena Seminar Kebebasan Berhimpun, di sini semalam.

Dr Mahathir berkata, kebebasan sepenuhnya seperti mana dicanangkan pembangkang tidak boleh dibenarkan, termasuk mengadakan demonstrasi besar-besaran kerana ia mampu mencetuskan keganasan serta mengancam keselamatan negara.

"Jika ada yang berkata kebebasan itu tiada batasnya, ia salah sama sekali salah kerana kebebasan seperti itu akan menggugat kebebasan dan ketenteraman orang lain," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak boleh terlalu menurut tuntutan pembangkang melalui langkah popular kerana ia tidak pernah dan tidak akan memuaskan hati mereka.